

**TAKRIF “ORANG TANGGUNGAN “DAN “ANAK” BERDASARKAN
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)**

A). **“orang tanggungan”** ertinya mana-mana daripada saudara yang berikut bagi orang berinsurans yang mati, iaitu -

- (a) balu, atau duda atau anak; dan
- (b) jika tiada balu atau duda atau anak—
 - (i) anak perempuan, jika telah berkahwin tetapi belum dewasa, atau jika menjadi balu tetapi belum dewasa;
 - (ii) adik lelaki atau adik perempuan yang belum dewasa, yang belum berkahwin atau adik perempuan belum dewasa yang telah menjadi balu;
 - (iii) menantu perempuan yang menjadi balu;
 - (iv) anak yang belum dewasa kepada anak lelaki yang mati sebelum orang berinsurans mati;
 - (v) anak yang belum dewasa kepada anak perempuan yang mati sebelum orang berinsurans mati jika bapa anak itu sudah mati
 - (vi) ibu atau bapa; atau
 - (vii) nenek atau datuk, jika ibu bapa orang berinsurans sudah mati;

B) **“anak”** ertinya anak seorang orang berinsurans yang mati -

- a) iaitu anak yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun dan meliputi—
 - (i) anak yang dilahirkan selepas kematian bapanya, anak tiri tanggungan dan anak tidak sah taraf orang berinsurans; dan
 - (ii) anak yang diambil menjadi anak angkat oleh orang berinsurans di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau mana-mana adat atau kelaziman, apabila pengangkatan tersebut dibuktikan dengan memuaskan; dan
- b) iaitu anak yang, walau berapa pun umurnya, terencat mentalnya atau menjadi tidak upaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri;